

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEBELAS
21 MEI 2007**

PERKARA : 5(A)(30)

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
Y.B. ENCIK WONG MUN HOE**

30. Apakah yang dimaksudkan dengan Koridor Pembangunan Utara. Sila nyatakan ciri-cirinya, peranan yang dimainkan dan faedah yang dapat diperolehi oleh kerajaan negeri dengan perlaksanaannya.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

30. Soalan ID 5, ID 86 dan ID 253 dijawab bersama.

Konsep koridor pembangunan telah dikemukakan sebagai satu strategi di bawah RMK-9 untuk menjanakan pembangunan ekonomi dan sosial yang meliputi beberapa negeri dan beberapa kawasan yang berjiranan. Ia bertujuan untuk mendapatkan kesan sinergistik dan limpahan yang berdasarkan kluster ekonomi, kelebihan daya saing yang sedia ada atau potensi yang baru secara lebih bersepadu lagi untuk manfaat semua rakyat dalam koridor berkenaan.

mengimplementasikan daya usaha dan inisiatif strategik yang diluluskan oleh Kerajaan. 4 objektif daya usaha yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- Pertama : Pembasmian kemiskinan dan jurang perbezaan pendapatan yang tidak sama rata melalui program-program penjanaaan pendapatan dan kekayaan yang teratur, sistematik dan konsisten;
- Kedua : Mencapai pertumbuhan yang seimbang di dalam semua sektor terpilih;
- Ketiga : Membangunkan modal insan untuk memenuhi keperluan permintaan pasaran antarabangsa; dan
- Keempat : Menambahkan pelaburan sektor swasta dan inisiatif pembiayaan swasta.

pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

- (c) Kluster pelancongan yang merangkumi ekopelancongan, agropelancongan, pelancongan budaya (cultural tourism), mesyuarat dan pameran (MICE) serta pelancongan yang berkaitan dengan perkhidmatan perubatan dan pendidikan.

Negeri Pulau Pinang akan terus berkembang sebagai sebuah *port city* yang amat penting dalam koridor ini, bahkan dalam wilayah IMT-GT. Ini adalah kerana banyak aktiviti pengangkutan, pergudangan, perdagangan dan perkhidmatan akan berkembang.

Pembangunan dalam setiap koridor utama akan diterajui oleh sebuah agensi pelaksana yang utama atau *lead agency* dengan bantuan dari badan berkanun yang tertentu dan penyertaan dari sektor swasta secara aktif. Untuk Koridor Utara, *lead agency* ialah Kumpulan

NCER. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk melihat kesesuaian perancangan NCER bagi Pulau Pinang tidak bertentangan dengan perancangan negeri.

Berikut adalah perkembangan terkini bagi projek-projek pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang yang mempunyai impak bagi Koridor Utara:

1. Kemudahan pelabuhan kargo di Butterworth dan Perai telah dipertingkatkan, khasnya Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) serta pelabuhan kapal layar penumpang di George Town.
2. Kawasan metropolitan Seberang Perai yang berada di persimpangan antara Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Timur-Barat (di mana sebahagiannya ialah Lebuhraya Butterworth-Kulim) yang disambung dan dilengkapi dengan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth

5. Pembangunan Seberang Perai Utara dengan wujudnya pusat pentadbiran dan pertumbuhan di Bertam, Kepala Batas. Antara rancangan yang akan dibangunkan ialah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Pulau Pinang, iaitu di kawasan Juru, Seberang Perai Tengah; Penaga dan Tok Alang, Seberang Perai Utara.

Secara amnya NCER akan menguntungkan ekonomi Negeri Pulau Pinang dari beberapa aspek utama seperti berikut:

- (i) Projek-projek infrastruktur dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pada masa yang sama meningkatkan sokongan logistik dan perhubungan pengangkutan di antara bandaraya, kawasan perindustrian, pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa.

- (iv) Pembangunan yang menyeluruh di NCER terutama di wilayah Kulim dan Perak Utara akan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan kepada para pembekal dan vendor di Pulau Pinang yang mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan sokongan perindustrian.
- (v) Negeri Pulau Pinang akan dapat meningkatkan lagi keupayaannya sebagai pusat pelaburan dan penyumberan luar (outsourcing) yang utama di NCER, di rantau ini dan juga di peringkat global.
- (vi) Berdasarkan faktor-faktor yang telah dinyatakan, secara keseluruhannya Koridor Ekonomi Utara mampu menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai hab atau nukleus kepada pertumbuhan ekonomi di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.